

## Apakah yang istimewanya berkenaan khutbah ini?

Di kalangan mereka yang mengetahui bahasa Arab atau sekurang-kurangnya boleh membaca ayat-ayat Quran mengetahui bahawa terdapat huruf-huruf dalam abjad Arab yang mempunyai titik. Huruf-huruf tersebut adalah disenaraikan seperti yang berikut dan ianya sering digunakan di dalam ucapan-ucapan dan tulisan-tulisan bahasa Arab.

ش ب ت ن ض ث ق ف غ خ ج ز ظ ذ ي

Menulis sesuatu yang bermakna tanpa menggunakan mana-mana daripada huruf-huruf di atas adalah sesuatu yang payah. Menyampaikan suatu khutbah yang seumpamanya tanpa persediaan sebelumnya sebagaimana yang diketahui sentiasa diamalkan oleh Imam 'Ali (a) dalam semua khutbahnya, adalah sebenarnya sangat mengagumkan!

[Catatan: Huruf yang mewakili *taa marbutah* di dalam skrip tulisan Arab dahulunya ditulis tanpa titik]

## Adakah khutbah lain yang seumpamanya?

Imam 'Ali (a) pernah menyampaikan satu khutbah yang sangat indah yang tidak mengandungi huruf *alif*!!

Huruf ini daripada abjad Arab pasti adalah huruf yang paling biasa digunakan dalam bahasa tersebut. Jika membuat beberapa ayat tanpa titik adalah susah, bagaimana pula menyampaikan suatu khutbah yang penuh dengan pengajaran dan panjangnya beberapa kali ganda daripada yang pernah anda lihat, tetapi tanpa satupun huruf *alif*!!

Khutbah ini secara umumnya dinamakan *al-Khutbah al-Muniqah* dan telah dicatatkan oleh ramai ulama-ulama Islam. Di antara ulama-ulama Sunni yang pernah merujuk kepadanya ialah:

- Muhammad b. Muslim al-Shafi'i, *Kifayat al-Talib*, ms. 248
- Ibn Abi'l Hadid al-Mu'tazili, *Sharh Nahj al-Balaghah*, vol. 19, ms. 140

## Bagaimanakah Imam 'Ali (a) dapat mencapai perkara sedemikian?

Imam 'Ali (a) memiliki ilmu yang mendalam dan kepetahan luarbiasa dengan mendampingi dengan lama dan rapat dengan Nabi Muhammad (s). Nabi (s) yang diilhamkan oleh Yang Maha Agung, adalah sumber yang tiada tandingannya semua pengetahuan dan kebijaksanaan dan adalah guru yang tiada taranya bagi Imam 'Ali (a).

**Untuk mengetahui dengan lebih lagi berkenaan dengan Islam yang asal, sebagaimana yang diajar oleh Nabi Muhammad (s) dan dihuraikan oleh Imam 'Ali (a) selepas baginda, sila kunjungi:**

**<http://al-islam.org/faq/>**

Rasulullah saaw bersabda:

**Aku adalah rumah ilmu dan Ali adalah pintunya**  
(*Sahih al-Tirmidhi*, (edisi Kaherah), Kitab al-Manaqib, vol. 5, ms. 637,  
hadith No. 3723)

# Suatu Khutbah yang tidak ada titik

Pengetahuan, keilmuan dan kepetahan Imam 'Ali b. Abi Talib (a) adalah sesuatu yang diketahui umum di kalangan kaum Muslimin daripada pelbagai mazhab. Satu contoh penguasaan beliau ke atas bahasa Arab ditunjukkan dengan jelas dalam khutbah yang disampaikannya tanpa persediaan terdahulu yang apabila dicatatkan, didapati adalah tidak mempunyai titik!!

Segala puji bagi Allah: Raja yang terpuji, Pemilik yang berbelas kasihan, Yang Membentuk kesemua yang dilahirkan, Pembantu kepada semua yang ditindas, Pembentang bumi, Pendiri gunung yang teguh, Pemberi hujan, Yang memudahkan kesusahan- kesusahan, Yang Mengetahui dan Yang Mendapat pengetahuan tentang rahsia-rahsia, Pemusnah pemerintahan dan Penghapus pemilikan-pemilikan, Pembaharu kegemilangan zaman sejarah dan Pengulangannya, Sumber semua benda dan Matlamatnya. KemurahanNya tersebar luas dan mencukupi awan-awan yang berlapis-lapis dan membekalkan hujan. Dia yang memberi jawapan kepada yang bertanya atau berharap, memberi dengan banyak dan melimpah ruah.

Aku memujiNya tanpa henti. Aku mendapatiNya Satu sebagaimana yang didapati oleh semua yang beralih kepadanya. Sungguhnya! Dia adalah Allah, tiada tuhan lain kepada semua bangsa kecuali Dia. Tiada sesiapa pun dapat membengkokkan benggokkan apa yang Dia telah jadikan sebagai yang benar dan kukuh. Dia telah mengutuskan Muhammad sebagai pembawa panji penyerahan diri (*Islam*), pemimpin kepada pemerintah dan penghalang kepada penindasan mereka, yang mematahkan pengaruh *Wudd* dan *Sawa`* (dua berhala). Baginda memberitahu dan mengajar, melantik dan menyempurnakan. Baginda menubuhkan asas-asas dan memudahkan pelaksanaannya. Baginda menekankan tentang janji yang telah ditetapkan (Hari Penghakiman) dan telah member amaran. Allah telah menghubungkaitkan baginda dengan kemuliaan dan memberikan kepada roh baginda keamanan, dan semoga Allah memberi keampunan kepada keturunannya dan keluarganya yang suci; selagi mana bintang penunjuk arah masih bersinar, bulan sabit masih terbit, dan sebutan kalimah syahadah (*La ilaha illa Allah*) masih didengari.

Semoga Tuhan melindungi kamu! Berusahalah ke arah berbuat kebaikan. Ikutilah jalan mencari yang sah dan berhentilah berbuat kebatilan dan tinggalkanlah ia. Dengarlah perintah Allah dan sedarilah akan ia. Kekalkanlah hubungan dengan sanak saudara dan suburkanlah ia. Engkarilah keinginan-keinginan dan hapuskanlah mereka. Jalinkan persaudaraan dengan orang-orang yang benar dan alim, dan hentikanlah pergaulan dengan yang berhibur dan tamak.

Suami anda adalah yang mempunyai kelahiran di sisi keturunan paling sempurna di kalangan lelaki merdeka, yang paling pemurah dan terhormat dengan kemuliaan, dan the mempunyai sifat yang terbaik. Di sini beliau datang kepada kamu, mengambil ahli keluarga kamu dengan kebenaran, melalui perkahwinan, pengantin yang terhormat. Ditawarkan dengan mas kahwin, sebagaimana Rasulullah lakukan terhadap Ummu Salamah. Semestinya baginda adalah menantu yang paling terhormat. Baik kepada keturunan baginda. Baginda menyerahkan mereka di dalam perkahwinan kepada sesiapa yang baginda kehendaki. Baginda tidak keliru lagi tidak mengalami ketidaktahuan tentang akibat keputusan dalam pilihan baginda sebagai isteri.

Aku memohon kepada Allah, bagi pihak kamu, untuk hubungan baik denganNya yang berkekalan. Dan kesukaan dariNya yang berterusan, dan Dia mengilhamkan kepada semua: pembaharuan kebaikan kepada semua keadaan mereka, dan persediaan kepada matlamat-matlamat mereka secara individu dan hari kemudian. Kesyukuran adalah kepadaNya untuk selama-lamanya dan pujian kepada rasulNya Ahmad [s].

**Nampaknya khutbah ini adalah seperti telah disampaikan oleh Imam 'Ali (a) di dalam majlis perkahwinan seseorang (*nikah*), dan mungkin juga di dalam perkahwinan beliau sendiri. Ia telah dirujuk oleh beberapa orang ulama seperti:**

- ❑ Muhammad Rida al-Hakimi, *Saluni qabil an tafqidi*, vol. 2, mukasurat- mukasurat 442-3.
- ❑ Sayyid al-Musawi, *al-Qatrah min bihar manaqib Al-Nabi wa al-'Urah*, vol. 2, ms. 179
- ❑ Hasun al-Dulafi, *Fada'il Al-al-Rasul*, ms. 6

هذه خطبة لأمير المؤمنين علي بن أبي طالب (ع) جميع حروف كلماتها خالية من ذكر "النقطة":

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الملك المحمود، المالك الودود، مصور كل مولود، ومآل كل مطرود، ساطع المهاد وموطد الأطواد، ومرسل الأمطار ومسهل الأوطار، عالم الأسرار ومدركها، ومدمر الأملاك ومهلكها، ومكور الدهور ومكررها، ومورد الأمور ومصدرها، عم سماحه وكمل ركامه، وهمل، طاوول السؤال والأمل، وأوسع الرمل وأرمل، أحمده حمدا ممدودا، وأوحده كما وحد الأوا، وهو الله لا إله للأمم سواه، ولا صادع لما عدل له وسواه، أرسل محمدا علما للإسلام وإماما للحكام، سددا للرعاع ومعتل أحكام ود وسواع، أعلم وعلم، وحكم وأحكم، وأصل الأصول، ومهد وأكد الموعود وأوعد، أوصل الله له الإكرام، وأودع روحه الإسلام، ورحم آل وأهله الكرام، ما لمع رائل وملع دال، وطلع هلال، وسمع إهلال. إعملوا رعاكم الله أصلح الأعمال، واسلكوا مسالك الحلال، واطرحوا الحرام ودعوه، واسمعوا أمر الله وعوه، و صلوا الأرحام و راعوها، وآعصوا الأهواء وآردعوها، وصاهروا أهل الصلاح والورع، و صارموا رهط اللهو والطمع، ومصاهرتم أظهر الأحرار مولدا وأسراهم سؤددا، وأحلامكم موردا، وها هو إمامكم وحل حرمكم مملكا، عروسكم المكرمه، وما مهر لها كما مهر رسول الله أم سلمه، وهو أكرم صهر، و أودع الأولاد، ومملك ما أراد، وما سهل مملكه ولا هم ولا وكس ملاحمه ولا وصم، اسأل الله لكم أحمد وصاله، ودوام إسعاده، وألهم كلا إصلاح حاله والأعداد لمآ له ومعاده، وله الحمد السرمد، والمدح لرسوله أحمد.